

WAHYU MENURUT NÖLDEKE: ANALISIS TERHADAP ISU KENABIAN MUHAMMAD DALAM KARYA GESCHICHTE DES QORANS

(Revelation According To Noldeke: An Analysis Towards The Issue Of Prophethood Of Muhammad In
Geschichte Des Qorans)

Wan Mohammad Ubaidillah bin Wan Abas & M. Y. Zulkifli bin Mohd Yusoff

ABSTRACT:

*Revelation is not only a very important matter in Islam, but also the basis of the existence of Islam. It has been targeted by enemies of Islam to weaken both Islam and Muslims. Noldeke, is a big name in the orientalist. He, who is also known as the Chief of German Orientalists, has a high position and such great influence among the group. Hence, his views and opinions should be revised and analyzed. This study aims to revise his views and thoughts on the revelation, particularly through his great masterpiece, the *Geschichte des Qorans*. It will be evaluated and compared in terms of his views and other Muslim scholars. The findings of this study show that Noldeke was portrayed as a man who is diligent in his work and persistent in his study. However, he has not only failed to understand the revelation in Islam, but also deviated from the truth, alike many other orientalist.*

Keywords: *Revelation, Geschichte des Qorans, Theodore Noldeke.*

ABSTRAK:

*Wahyu merupakan suatu perkara yang amat penting dalam Islam malahan menjadi asas kepada kewujudan Islam itu sendiri. Oleh itu, ia sentiasa dijadikan sasaran oleh musuh Islam untuk melemahkan Islam dan umatnya. Noldeke adalah satu nama besar dalam dunia orientalis. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dan pengaruh yang besar di kalangan mereka sehingga digelar syeikh al-mustasyriqin Jerman. Justeru pandangan beliau wajar diteliti dan diamati. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan beliau tentang wahyu khususnya melalui karya utamanya *Geschichte des Qorans*. Ia akan dinilai dan dibandingkan dengan pandangan para sarjana dan ulama Islam bagi mengetahui kebenarannya. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan dengan menggunakan dokumen primer dan sekunder. Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa Noldeke walaupun dianggap tekun dan gigih dalam kajiannya namun seperti kebanyakan orientalis lain, gagal memahami dengan tepat tentang wahyu dalam Islam malah tersasar dari kebenaran.*

Kata Kunci: *Wahyu, Geschichte des Qorans, Theodore Noldeke*

PENDAHULUAN

Lafaz wahyu dan pecahannya disebut sebanyak 87 kali dalam al-Qur'an.¹ Kalimah yang berasal daripada bahasa Arab ini mempunyai pelbagai makna. Antaranya ialah al-isyarat, al-risalat, al-ilham, al-kalam al-khafiy dan segala apa yang disampaikan kepada orang lain.² Ia juga bermaksud inspirasi daripada orang lain atau arahan seseorang. Menurut Kamus Dewan, ia bermaksud firman (kalam) Allah yang dibacakan kepada nabi dan rasul-Nya yang disampaikan sama ada melalui malaikat (Jibril) ataupun tanpa melaluinya.³

PENGERTIAN WAHYU

Perkataan wahyu dari segi bahasa membawa maksud berikut:

a) Ilham fitri yang diberi oleh Allah kepada manusia biasa. Ia sepertimana yang diberikan kepada ibu Nabi Musa a.s. FirmanNya:

﴿وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّ مُوسَىٰ أَنْ أَرْضِعِيهِ﴾

Ertinya:

Dan Kami wahyukan (ilhamkan) kepada ibu Musa: "Susukanlah dia..". (al-Qasas, 28: 7)

b) Ilham gharizi yang diberi oleh Allah kepada haiwan, seperti yang diberikan kepada lebah. Firman Allah SWT:

﴿وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ﴾

Ertinya:

Dan Tuhanmu telah mewahyukan (memberi ilham) kepada lebah, "Buatlah sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu dan di rumah-rumah yang didirikan manusia". (al-Nahl, 16: 68)

c) Isyarat pantas melalui rumus dan kod, seperti isyarat Nabi Zakaria a.s. kepada kaumnya sebagaimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

﴿فَخَرَجَ عَلَى قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَنْ سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا﴾

Ertinya:

Maka keluarlah dia dari mihrab, lalu memberi isyarat kepada mereka, "Hendaklah kamu bertasbih pada waktu pagi dan petang". (Maryam, 19: 11)

d) Bisikan dan godaan syaitan terhadap manusia dengan menjadikan perkara yang buruk kelihatan indah. Firman Allah:

﴿وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ﴾

¹ Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1401H), *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 746.

² Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (t.t.), *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar Sodik, h. 379. Lihat juga al-Razi, Muhammad bin Abu Bakr (1981), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 713. Beliau memasukkan juga kalimah al-kitabah.

³ Noresah Baharom et al. (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1794.

Ertinya:

Sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya agar mereka membantah kamu. (al-An'am, 6: 121)

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا﴾

Ertinya:

“Dan demikianlah kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, yaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan dari jenis jin, sebahagian mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan-perkataan yang indah untuk menipu mereka.” (al-An'am, 6: 112)

e) Apa yang disampaikan Allah kepada para malaikatNya berupa suatu perintah untuk dilaksanakan. Firman Allah Taala:

﴿إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَتَبَيَّنُوا الَّذِينَ آمَنُوا﴾

Ertinya:

“Ingatlah ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat, ‘Sesungguhnya Aku bersama kamu, maka teguhkanlah pendirian orang-orang yang beriman’.” (al-Anfal, 8: 12)

Manakala wahyu dari segi istilah syarak didefinisikan sebagai kalam Allah yang diturunkan kepada seseorang nabi.

Penggunaan lafaz wahyu dari segi bahasa menekankan kepada kecepatan dan kerahsiaan sebagai suatu unsur dan keistimewaan yang penting.¹ Definisi ini menggunakan pengertian maf'ul, iaitu al-muha (yang diwahyukan). Muhammad Abduh mendefinisikan wahyu sebagai pengetahuan yang didapati oleh seseorang dari dalam dirinya dengan disertai keyakinan bahawa pengetahuan itu datang dari Allah, sama ada melalui perantara ataupun tidak.² Ia melalui suara yang menjelma dalam telinga atau tanpa suara sama sekali. Perbezaan antara wahyu dengan ilham (inspirasi) ialah, ilham adalah intuisi (wijdan) yang diyakini jiwa sehingga terdorong untuk mengikuti apa yang diminta, tanpa mengetahui dari mana ia datang. Ia seperti perasan lapar, dahaga, sedih atau gembira.³

Definisi di atas adalah definisi wahyu dengan pengertian masdar. Bahagian awal definisi ini menunjukkan adanya kemiripan antara wahyu dengan suara hati atau kasyaf, tetapi perbezaannya dengan ilham di akhir definisi menidakkan hal tersebut.⁴

Bagi al-Zurqani, wahyu ialah Allah memaklumkan kepada sesiapa yang dipilih dari kalangan hambaNya apa yang mahu diberikanNya dalam bentuk hidayah dan ilmu. Ia dengan cara rahsia dan tersembunyi serta bukan kebiasaan bagi seseorang.⁵

¹ Hassan 'Itr (1404H), “Wahy Allah Haqiqiuhu wa Khosoisuhu fi al-Kitab wa al-Sunnah”, *Majalah Dakwah al-Haq*, bil. 28, h. 50.

² Syeikh Muhammad Abduh, *Risalatut Tauhid* dlm. Syed Mohd Rashid Ridha (t.t.), *Wahyu Suci*, terj. Ismail Mohd Hassan, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 86.

³ Subhi Saleh (2004) tidak sependapat dalam hal ini. Lihat *Membahas Ilmu-Ilmu al-Qur'an*, terj. Tim Pustaka Firdaus, c.9, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 19.

⁴ Al-Qattan, Manna' Khalil (t.t.), *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 26-27.

⁵ Al-Zurqani, Muhammad Abdul Azim (1996), *Manahil al-Irfan*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j.1, h. 64.

Al-A'raji pula dalam tulisannya yang khusus berkaitan wahyu menyimpulkan ia sebagai pemberitahuan yang cepat secara rahsia.¹

Oleh itu, secara umumnya wahyu ialah perintah atau kata-kata Allah (كلام الله) SWT yang disampaikan kepada para rasul pilihanNya.

KONSEP WAHYU DI KALANGAN YAHUDI DAN NASARA

Dalam kamus al-Kitab al-Muqaddas, perkataan wahyu digunakan untuk menunjukkan kenabian yang khusus untuk satu-satu kota atau bangsa. Ia adalah ketua atau tanda bagi sesebuah bangsa atau masyarakat. Wahyu yang dimaksudkan tersebut ialah ilham. Ia bermakna roh Allah berada dalam roh mereka yang diilhamkan itu.² Ia berfungsi dalam menjelaskan tentang hakikat roh atau kejadian masa depan yang tidak dapat dicapai melainkan dengan wahyu.³

WAHYU PADA PANDANGAN ORIENTALIS

Mengkaji pandangan orientalis terhadap wahyu Muhammad bermakna mengkaji permulaan kajian orientalis. Ia adalah permulaan kajian Barat terhadap bahasa dan kehidupan orang Timur yang bermula di Sepanyol. Ia terhenti sementara kerana jatuhnya kerajaan Gharnatah pada tahun 1492 masihi dan kembali semula setelah penyatuan gereja Barat dan Timur pada kurun ke 16.

Kajian dan pendirian orientalis terhadap wahyu dipengaruhi oleh pemikiran yang ditanam oleh kajian-kajian sebelumnya yang begitu tegar dalam menyerang Islam dan mencipta kekurangan terhadap Nabi Muhammad SAW demi untuk mendapatkan kepuasan dan keredaan orang-orang Eropah. Lalu mereka menyifatkan Nabi sebagai seorang ahli sihir, pengkhianat, kuat nafsu dan musuh kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Mereka mengkritik Nabi SAW berdasarkan khayalan semata-mata tanpa merujuk kepada sumber bertulis atau kajian-kajian autentik sebelumnya. Mereka mengulang-ulang tuduhan terhadap Nabi Muhammad SAW dan apa yang dibawa oleh Nabi sebagai rekaan, hasil kejermihan jiwa, pencapaian kesusasteraan, gabungan fikiran atau tulisan seseorang insan.

Pandangan mereka terhadap Nabi Muhammad SAW yang mana wahyu diturunkan kepada Baginda boleh dinyatakan seperti berikut:

- a) Sebahagian mereka menganggap Baginda sebagai pemimpin semata-mata.
- b) Sebahagiannya menjadikan Baginda sebagai seorang musuh-reformis masyarakat.
- c) Sebahagiannya mengira Baginda sebagai salah seorang yang abqari-pintar di alam ini.
- d) Segelintir mereka menzahirkan Baginda sebagai seorang Rasul.

¹ Al-A'raji, Sattar Jabar (2001), *al-Wahy wa Dilatuhu fi al-Qur'an al-Karim wa al-Fikr al-Islami*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 14.

² Rashid Redha, *op.cit.*, h. 114.

³ *Ibid.* h. 95.

- e) Lebih sedikit yang menyifatkan Baginda sebagai seorang Nabi yang diberikan wahyu.
- f) Sebahagiannya mengingkari kenabian Baginda kerana telah terpahat di benak mereka unsur materialisme dan sekularisme, lalu mereka menolaknya sama ada secara total atau juz'ie.

TUJUAN INKARKAN WAHYU

Tujuan keingkaran mereka adalah untuk menunjukkan bahawa Islam bukanlah daripada Allah tetapi ia adalah buah fikiran Muhammad SAW yang dicampurkan dengan fikiran Yahudi dan Nasrani, memadamkan sahsiah Islam, cubaan mewujudkan akar nas agama Islam daripada nas agama Yahudi dan Nasrani,¹ menimbulkan keraguan terhadap nas dan kesahihannya dan menggunakan pelbagai kekhilafan pemikiran sebagai suatu alat bagi menimbulkan keraguan.

NÖLDEKE DAN KARYANYA GESCHICHTE DES QORANS

Nöldeke atau nama penuhnya Theodor Nöldeke dilahirkan pada 2 Mac 1836 di Harburg, Hanover, Jerman.² Beliau mendapat pendidikan di Göttingen, Vienna, Leiden and Berlin. Melalui gurunya, H. Ewald (1803-1875), Nöldeke mempelajari bahasa-bahasa samiah, Parsi, Turki dan Sanskrit di Universiti Göttingen. Selanjutnya, beliau menuntut di Universiti Libzeg, Universiti Fiina, Universiti Leiden dan Universiti Berlin.³

Setelah hampir setahun di Vienna, beliau berpindah ke Leiden. Di sini, beliau menemui banyak manuskrip Arab. Beliau juga sempat bertemu orientalis lain seperti Dozy, Juynboll, Mattys de Vries dan Kuenen. Beliau mengambil peluang belajar dan membaca manuskrip-manuskrip tadi daripada mereka. Beliau juga berkenalan dengan tokoh-tokoh muda orientalis seperti de Goejo, de Jong dan Engelmann. Antara muridnya ialah Christian Snouck Hurgronje, Charles Cutler Torrey⁴ dan Friedrich Zacharias Schwally.⁵

PEKERJAAN DAN JAWATAN

Pada tahun 1861, beliau mula menyampaikan kuliah di Universiti Göttingen. Tiga tahun kemudian, beliau dilantik menjadi *extraordinary professor*. Pada tahun 1868 beliau menjadi profesor di Kiel dan pada tahun 1872 dipilih pula untuk menyandang kursi bahasa-bahasa timur atau Semitik (the chair of Oriental languages) di Universiti Strassburg. Beliau menjadi profesor Jerman pertama yang menyandang jawatan

¹ Lihat Maysam J. Al Faruqi (2005), *Umma: The Orientalists and The Qur'anic Concept of Identity*. Oxford University Press, *Journal of Islamic Studies* 16:1 (2005) pp 1–34 doi:10.1093/jis/eti001, h.13.

² Badawi, Abd al-Rahman (1993), *Mausu'at Mustasyriqin*. Beirut: Dar al 'Ilm lil al-Malayin, h.595.

³ Muhammad Khalifah Hassan (2006), "Dirasah al-Qur'an al-Karim 'Inda al-Mustasyriqin fi Dawi Ilmi Naqd al-Kitab al-Muqaddas" (Kertas Seminar al-Qur'an al-Karim fi al-Dirasat al-Istisyaqiyah di Arab Saudi, 7-9 November 2006), h.11.

⁴ Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Charles_Cutler_Torrey, 7 November 2012.

⁵ Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Friedrich_Zacharias_Schwally, 7 November 2012.

tersebut setelah Alsace-Lorraine berjaya diambil semula dari Perancis.¹ Beliau bersara pada tahun 1906 setelah berkhidmat lebih daripada 30 tahun.²

HASIL KARYA

Pada tahun 1860, beliau menerbitkan bukunya, *Geschichte des Qurans* (Sejarah al-Qur'an). Antara karyanya yang lain ialah *Über d Mundart Mandaer*, *Die Gedichte des Urwa bin Alward*, *Des Leben Mohammads Beitrage zur Kentmiss der Poesie der Alten Araber*, *Geschichte der Pesser und Araber zur Zeit der Sasaniden*, *Die Semitische Sprachthen Das iranische Nationalepos*, *Funt Mo'allakat*, *Beitrage zur Semit Sprachwissenschaft*, *Neuc Beitrage zur Semit*, *Orientalische Skizzen*, *Semitic languages, and the history and civilization of Islam*, *Grammatik der neusyrischen Sprache dan Mandäische Grammatik*. Di samping itu, beliau banyak menulis artikel yang dimuatkan di dalam majalah *Zeitschrift der Deutschen Morgenlandischen Gessellschaft* dan majalah-majalah yang lain.³

PENGIKTIRAFAN DAN KEMATIAN

Beliau digelar dan diiktiraf oleh para penyelidik Barat sebagai the Father of Qur'anic Criticism.⁴ Dianggap juga sebagai 'syeikh' orientalis di Jerman malah di seluruh alam.⁵

Pada 25 Disember 1930, Noldeke menghembuskan nafasnya yang terakhir di Karlsruhe, Jerman ketika berusia 94 tahun.

PENGENALAN TERHADAP GESCHICHTE DES QORANS

Karya berjudul *Geschichte des Qorans* ini pada asalnya ditulis bersendirian oleh Noldeke sebagai tesis kajiannya. Ia kemudiannya dikembangkan bersama Schwally, Bergsträsser dan Otto Pretzl dan ditulis selama 68 tahun sejak edisi pertama. Sehingga kini, *Geschichte des Qorans* dianggap karya standard bagi para orientalis, khususnya dalam sejarah kritis penyusunan Al-Qur'an.

BILANGAN MUKA SURAT DAN PENERBIT

Dalam edisi terjemahan bahasa Arab, karya ini mengandungi sebanyak 699 halaman tidak termasuk lampiran, indeks, isi kandungan dan seumpamanya. Jika dikira semuanya ia mengandungi 841 halaman. Edisi ini diterjemahkan oleh satu pasukan yang diketuai oleh Profesor Georges Tamer dan diterbitkan oleh Konrad Adenauer Stiftung pada 2004 di Beirut.⁶

SEBAB DAN TUJUAN DIKARANG

¹ Warraq, Ibn & Madigan, Timothy J. (2002), "Theodor Noldeke: Father of Qur'anic Criticism", *Free Inquiry*, Vol. 22, No. 2, preview dapat dilihat <http://www.questia.com/library/1G1-84805917/theodor-noldeke-father-of-qur-anic-criticism-great>, 7 November 2012.

² Wikipedia The Free Encyclopedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Theodor_N%C3%B6ldeke, 7 November 2012.

³ A. Muin Umar (1978), *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 34-35.

⁴ Warraq, Ibn & Madigan, Timothy J. (2002), *op.cit.*

⁵ Badawi, *op.cit.*, h. 595.

⁶ Lihat Nöldeke, Theodore (2004), *Tarikh al-Qur'an*, terj. Georges Tamer et al., Beirut: Konrad Adenauer Stiftung, h. xxiv.

Asalnya ia merupakan tesis kedoktoran yang beliau kemukakan kepada Universiti Göttingen pada tahun 1856.¹ Ia ditulis dalam bahasa latin dan ketika itu beliau berusia 20 tahun. Pada tahun 1858, berbekalkan tesis tersebut, beliau menyertai pertandingan *French Académie des Inscriptions et Belles-Lettres* dan menang dalam pertandingan tersebut. Ekoran itu beliau menulis semula karya itu ke dalam bahasa Jerman dan diterbitkan dengan beberapa penambahan di Göttingen pada tahun 1860.

KEDUDUKAN DAN PERANANNYA

Untuk mengetahui kedudukan dan pengaruh *Geschichte des Qorans*, cukuplah dengan melihat pandangan mereka yang terlibat dalam bidang ini.

Goldziher menyifatkan *Geschichte des Qorans* sebagai “كتاب أصيل بكر.”

Arthur Jeffery berkata: “Ia adalah asas kepada segala kajian tentang ulum al-Qur’an di Eropah.”

Rudi Paret berkata: “Kitab Tarikh al-Qur’an sejak sekian lama sudah menjadi kitab asasi dalam bidang ini. Sesiapa yang mahu ‘menyibuk’ secara ilmiah dengan al-Qur’an dalam apa bentukpun hendaklah ia berpegang kepada kitab ini. Ia adalah kitab yang terpelihara nilainya sepanjang zaman.”

Kata Gustav Bifanmullar: “Ia memenuhi segala tuntutan ilmu. Kitab yang hebat nilainya bagi sesiapa yang mempelajari Islam. Namun bagi mereka yang bukan orientalis, ia sebuah kitab yang sukar digunakan.”

Kata F. Shwally: “Dalam lingkungan keilmuan, ia dikira antara ibu segala kitab.”

Abu Abdillah Al-Zanjani menganggap kitab Nöldeke ini antara terpenting-penting kitab yang dikarang oleh orang Eropah berkaitan dengan sejarah al-Qur’an kerana kajiannya yang amat luas dan mendalam. Di dalamnya terdapat kajian-kajian analisis yang bernilai.²

PANDANGAN NÖLDEKE DAN ULASAN

Kitab ini mengandungi tiga bahagian yang utama iaitu Asl al-Qur’an, Jam’ul Qur’an dan Tarikh Nas al-Qur’an. Bahagian pertama pula mengandungi tajuk-tajuk Kenabian Muhammad dan Wahyu, dan Asal Bahagian-Bahagian al-Qur’an.

Ulasan ini hanya berdasarkan tajuk pertama daripada bahagian pertama yang bertajuk Kenabian Muhammad dan Wahyu yang ditulis beliau dalam 49 halaman.

1. Sumber literal bagi wahyu Muhammad adalah kitab-kitab Yahudi.

Nöldeke menulis... “Sumber utama bagi wahyu yang diturunkan kepada nabi adalah berdasarkan iktikad kurun pertengahan dan semasa. Ia tanpa syak adalah apa yang dibawa oleh kitab-kitab Yahudi.

¹ Lihat Emmanuelle Stefanidis (2008), “The Qur'an Made Linear: A Study of the *Geschichte des Qorâns*' Chronological Reordering”, *Journal of Qur'anic Studies*. Volume 10, Page 1-22 DOI 10.3366/E1465359109000394.

² Al-Zanjani, Abu Abdillah (1969), *Tarikh al-Qur'an*. Beirut: Muassasah al-A'lami, h. 92.

Kebanyakan kisah nabi-nabi di dalam al-Qur'an, malahan pengajaran dan kefardhuannya adalah berasal dari Yahudi."¹

Ulasan:

Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang ummi. Baginda tidak mempelajari sesuatupun daripada orang lain sama ada semasa menetap atau ketika bermusafir dan ini disaksikan oleh kaumnya yang memusuhinya.

Kitab Perjanjian Lama belum diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Ini diakui sendiri oleh para orientalis. Ensiklopedia Britania menunjukkan tidak ada terjemahan Arab bagi asfar Yahudi sebelum Islam. Yang paling awal diterjemahkan ialah pada awal zaman Abbasiyah dengan huruf ibrani.

Termaklum bahawa apa yang ada dalam al-Qur'an ada yang tidak terdapat di dalam kitab-kitab Yahudi dan Nasrani seperti kisah Nabi Hud, Soleh dan Syu'aib alaihimussalam. Kalau Nabi Muhammad SAW belajar dari ahli kitab sudah pasti tidak ada penambahan-penambahan ini dan tidak ada kesilapan dalam sebahagian apa yang disebut dalam kitab mereka.²

2. Keadaan Muhammad ketika menerima wahyu- terkena penyakit sawan dan gila.

Noldeke menyatakan... "Diriwayatkan bahawa Muhammad dalam banyak keadaan ketika menerima wahyu berada dalam keadaan sawan yang teruk, sehingga buih-buih kelihatan di mulutnya, wajahnya menjadi sangat merah, menjerit dan berpeluh di dahinya sekalipun pada musim sejuk (h.23). Malahan dikatakan terkena penyakit gila."³

Ulasan:

Ini satu tuduhan klasik yang diulang-ulang sejak dahulu lagi. Mereka menyalahafsirkan hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah r.ha:

"عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ الْحَارِثَ بْنَ هِشَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَأْتِيكَ الْوَحْيُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْيَانًا يَأْتِينِي مِثْلَ صَلْصَلَةِ الْجَرَسِ وَهُوَ أَشَدُّهُ عَلَيَّ فَيُفْصِمُ عَنِّي وَقَدْ وَعَيْتُ عَنْهُ مَا قَالَ وَأَحْيَانًا يَتَمَثَّلُ لِي الْمَلَكُ رَجُلًا فَيُكَلِّمُنِي فَأَعْبِي مَا يَقُولُ قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يُنَزَّلُ عَلَيْهِ الْوَحْيُ فِي الْيَوْمِ الشَّدِيدِ الْبُرْدِ فَيُفْصِمُ عَنْهُ وَإِنَّ جَنِينَهُ لَيَنْفَعُ عَرَفًا"

Ertinya:

Dari Aisyah Ummul Mu'minin, bahawa al-Harits bin Hisyam bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam: "Wahai Rasulullah, bagaimana caranya wahyu turun kepada engkau?" Maka Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Terkadang datang kepadaku seperti suara gemerincing loceng dan cara ini yang paling berat buatku, lalu terhenti sehingga aku dapat mengerti apa yang disampaikan. Dan terkadang datang Malaikat menyerupai seorang laki-

¹ Nöldeke, Theodore (2004), *op. cit.*, h. 7.

² Mahmud Madhi (1996), *al-Wahyu al-Qur'ani fi al-Manzur al-Istisyraqi wa Naqduhu*. Iskandariah: Dar al-Dakwah, h. 148.

³ Nöldeke, Theodore (2004), *op. cit.*, h. 24.

laki lalu berbicara kepadaku maka aku ikuti apa yang diucapkannya". Aisyah berkata: "Sungguh aku pernah melihat turunnya wahyu kepada Baginda sallallahu 'alaihi wasallam pada suatu hari yang sangat dingin lalu apabila terhenti, aku lihat dahi Baginda dibasahi keringat."¹

Di kalangan orientalis sendiri ada yang tidak bersetuju dengan tuduhan ini. William Muir (m. 1905) sebagai contoh menyatakan:

"Menggambarkan apa yang berlaku kepada Muhammad ketika saat turunnya wahyu dalam bentuk yang salah ini adalah suatu kesilapan besar dari segi ilmiah. Penyakit sawan tidak akan meninggalkan kepada orang yang terkenanya apa-apa ingatan bahkan ia menjadi lupa sepanjang tempoh tersebut, dia tidak dapat mengingati apa yang berlaku kerana gerakan perasaan dan pemikiran terbantut sepenuhnya. Penyakit ini sebagaimana dibuktikan sains tidak menimpa nabi Arab semasa wahyunya, bahkan pancainderanya sedar dan dia dapat menyebut dengan terperinci apa yang diterima kepada sahabat-sahabatnya selepas itu."²

3. Wahyu baginya adalah ilusi (wahn) secara instinct- halusinasi, yang mana ia sentiasa berinteraksi secara keterlaluan sehingga mendorongnya untuk mendakwa sebagai nabi dan berdakwah kepadanya.

Ulasan:

Tuduhan ini secara sepintas lalu kelihatan agak ilmiah, lembut dan lebih pintar. Mereka gambarkan nabi memiliki khayalan yang tinggi dan perasaan yang mendalam. Perasaannya yang melampau sehingga dikhayalkan kepadanya bahawa dia melihat dan mendengar seseorang bercakap dengannya. Apa yang dia lihat dan dengar hanyalah gambaran khayalan, maka itulah *junun* atau *aḡhāth ahlām*.³

Pandangan orientalis ini tidak jauh bezanya dengan pandangan musyrikin Mekah yang menuduh Nabi sebagai gila bilamana mengatakan jin datang dan memperlihatkan dirinya lalu mewahamkan bahawa dia adalah rasul.⁴ Pandangan orientalis ini diasaskan kepada pandangan musyrikin tadi. Orientalis mena'birkannya berasaskan pemahaman mereka terhadap kejiwaan, pandangan dan khayalan, manakala musyrikin pula berasaskan pandangan mereka terhadap jin dan syaitan.

Sekiranya dalam keadaan ilusi-halusinasi Nabi dapat 'mereka al-Qur'an dan mencipta Islam' sehingga Islam diikuti oleh sebahagian besar penduduk dunia, maka bagaimana agaknya jika Nabi tidak terkena penyakit ini dan dalam keadaan normal?

¹ al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1400 H), *Sahih al-Bukhari*, "Kitab Bad' al-Wahy", hadith no. 2, Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, h.13.

² Muir, William (1912), *The life of Mohammad*, Edinburgh: John Grant, h.37. Lihat juga Jabal Muhammad Buaben (1996), *Image of the Prophet Muhammad in the West*, Leicester: The Islamic Foundation, h.29.

³ Darraz, Muhammad bin Abdullah (2005), *al-Naba' al-Azim*, Damsyik: Dar al-Qalam, h. 97. Lihat Surah al-Anbiya', 21:5.

⁴ Ia terdapat dalam kata-kata 'Utbah bin Rabi'ah ketika berunding dengan Nabi Muhammad SAW. Lihat Ibn Hisham, Abdul Malik bin Hisham bin Ayub (1955), *al-Sirah al-Nabawiyah*, tahqiq Mustafa al-Saqa et al. Kaherah: Mustafa al-Halabi, j.1, h.294-295.

Realitinya, Islam telah tersebar dan diterima dengan baik oleh penduduk dunia sejak dahulu hingga kini. Penganutnya yang beriman dengan al-Qur'an telah berjaya membangunkan tamadun yang hebat dalam segenap lapangan.

Amat jelas sekali, wahyu atau kenabian bukanlah sesuatu yang mampu diusahakan, atau hasil 'penyucian diri', atau hasil daripada tumpuan seluruh kekuatan akliah.¹ Ia adalah pilihan istimewa daripada Allah Taala. FirmanNya:

﴿اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾

Ertinya:

Allah memilih utusan-utusanNya dari malaikat dan dari manusia; Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui. (al-Hajj, 22 : 75)

4. Terdapat komplot antara Muhammad dan Buhaira untuk membentuk Islam. Buhaira yang mengajar Muhammad dan mengarang suhuf (surah-surah al-Qur'an).

Ulasan:

Pertemuannya dengan Buhaira adalah terhad dan dengan kehadiran pembesar Quraish. Umur Nabi ketika itu baru 12 tahun,² maka keadaan pertemuan itu tidak mungkin menghasilkan ilmu, kerana masanya singkat, tidak memadai untuk belajar dan menuntut ilmu. Malahan tidak ada riwayat yang menunjukkan pengajaran tersebut berlaku. Seperti disebutkan, ia dihadiri juga pembesar-pembesar kafilah dan mereka tidak menyebutkan sesuatupun selepas itu sedangkan merekalah yang bertungkus lumus untuk menghancurkan nabi setelah nabi mengiklankan kerasulannya.

Riwayat menekankan bahawa Buhaira melihat terdapat tanda-tanda kenabian. beliau memberitahukan hal itu kepada Abu Talib, bahawa ia akan menjadi perkara yang besar serta berpesan agar menjaganya dengan baik.³

Kita ingin bertanya, adakah boleh diterima akal Buhaira bercakap dengan seorang budak tentang agama yang lengkap ini yang mana seluruh manusia tidak mampu untuk membawa seumpamanya? Kenapa Buhaira memilihnya sedangkan terdapat ramai lelaki dewasa lain, contohnya Abu Talib? Kenapa Buhaira sendiri tidak melakukan tugas mengajar atau pengislahan itu? Kenapa Nabi Muhammad SAW menanggungkan lebih dari 28 tahun untuk menyebarkan kebaikan yang dia terima dan dengar dari Buhaira?

Wajar disebutkan juga, peristiwa pertemuan Nabi SAW dengan Buhaira merupakan perkara yang tidak mendapat kata sepakat di kalangan sarjana Islam. Sebahagian mereka mengira riwayat tersebut

¹ Lihat antaranya Martijn Blaauw (2008), "The Nature of Divine Revelation", *The Heythrop Journal*, Volume 50, Issue 1, h. 2-12, boleh dicapai di <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/j.1468-2265.2008.00435.x/pdf>

² Sebahagian riwayat menyatakan 9 tahun.

³ Idris Hamid Muhammad (2006), "Āra' al-Mustasyriqin Haula al-Mafhum al-Wahyi" (Kertas Seminar al-Qur'an al-Karim fi al-Dirasat al-Istisraqiyyah di Madinah, 7-9 November 2006), h. 50.

sebagai hasan manakala sebahagian lagi menganggapnya sebagai *ḍaif*. Kisah tersebut dikeluarkan oleh al-Hakim dalam Mustadraknya sambil mengatakannya sebagai sahih berdasarkan syarat syaikh. Al-Zahabi pula mengira ia sebagai *mauḍu'* dan sebahagiannya *baḥ il*. Manakala Al-Tirmizi mengatakannya sebagai hasan gharib. Selain itu, ia dikeluarkan juga oleh Abu Nuaim al-Asfahani dalam *Ma'rifat al-Sahabat*, al-Tabari dalam *Tarikhnya* dan Ibn Hisham dalam *Sirahnya*.¹

Ulasan sejarawan Inggeris, Thomas Carlyle (m. 1881) dalam *On Heroes, Hero-Worship, and The Heroic in History* menarik untuk difikirkan apabila beliau menyatakan:

*"Saya tidak tahu apa yang yang patut diulas berkenaan dengan peristiwa rahib Nestorian (Sergius), yang dikatakan bercakap dengan Abu Talib. Bagaimana mungkin seorang rahib dapat mengajar kanak-kanak dalam usia sebegitu. Apa yang saya tahu ialah peristiwa tersebut diperbesar-besarkan. Umur Muhammad 12 tahun dan dia tidak tahu bahasa yang lain selain bahasanya sendiri."*²

5. Orang Islam tidak menyifatkan kalimah wahyu untuk al-Qur'an sahaja, bahkan juga segala ilham yang diterima oleh Nabi dan segala perintah Ilahi yang ditujukan kepadanya.³

Ulasan:

Segala jenis wahyu sama ada yang ditujukan kepada manusia atau selain manusia disebut di dalam al-Qur'an. Apa yang ditujukan kepada manusia maka itulah yang diturunkan kepada para nabi dan rasul alihimussalam. Manakala yang ditujukan kepada bukan manusia, antaranya ialah sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah Taala:

﴿وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ﴾

Ertinya:

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia.

(al-Nahl, 16 : 68)

﴿فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرًا وَمَرْثًا السَّمَاءِ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحٍ وَحِفْظًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ﴾

Ertinya:

Lalu ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha mengetahui. (Fussilat, 41 : 12)

﴿يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا﴾

Ertinya:

¹ al-Saqar, Munqiz bin Mahmud (t.t), *Tanzih al-Qur'an 'an Daawa al-Mubtilin*. Makkah: Rabitah al- Alam al-Islami, h.74.

² *Ibid.*, h.75.

³ Nöldeke, Theodore (2004), *op. cit.*, h. 20.

Pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya: Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian). (al-Zalzalah, 99 : 4-5)

Namun perlu diingat bahawa semua yang mewahyukan adalah Allah. Dialah yang mewahyukan apa sahaja yang Dia mahu dan kepada sesiapa sahaja yang Dia mahu.

Allah mewahyukan kepada lebah, yakni memberikan ilham kepadanya agar membina sarang di bukit-bukau, pokok-pokok dan sebagainya supaya dapat mengeluarkan madu yang mana manusia tidak mampu melakukannya. Allah juga mengilhamkannya supaya menghisap makanan dari tumbuh-tumbuhan.

Demikian juga, Dialah yang telah menurunkan wahyu kepada Nabi Daud a.s. dengan kitab Zabur, yang telah ‘bercakap’ dengan Nabi Musa a.s. dari sebalik hijab dan yang telah mengutuskan Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad SAW.

PENUTUP

Mustafa al-A’zami dalam bukunya, *The History of The Qur’anic Text* mengutip satu artikel di *Encyclopedia Britannica* (1891) di mana Nöldeke menyebut banyaknya kekeliruan dalam al-Qur’an kerana kata Nöldeke, “Kejahilan Muhammad” tentang sejarah awal agama Yahudi – kecerobohan nama-nama dan perincian yang lain yang ia curi dari sumber-sumber Yahudi.¹ Nöldeke juga menuduh Nabi Muhammad pernah lupa tentang wahyu sebelumnya.²

Sekalipun kebanyakan orientalis tidak mengingkari berlakunya wahyu dalam realiti kehidupan manusia kerana mereka membenarkan nabi-nabi yang disebut di dalam Taurat dan Injil, namun disebabkan ketaksuban agama yang menebal menjadikan mereka membezakan-bezakan antara wahyu ini dengan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. Ternyata Nöldeke termasuk dalam kumpulan ini.

Kebanyakan mereka ingkarkan Muhammad SAW sebagai seorang nabi, yang mendapat wahyu atau diberikan kitab kepadanya. Malahan pelbagai tafsiran dan analisis songsang dilakukan termasuk menyatakan bahawa wahyu adalah projek Muhammad atau ia adalah hasil tangan tukang sihir.

BIBLIOGRAFI

A. Muin Umar (1978), *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

A’raji, Sattar Jabar al- (2001), *al-Wahy wa Dilalatuhi fi al-Qur’an al-Karim wa al-Fikr al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

A’zami, Mustafa al- (2005), *Sejarah Teks Al-Qur’an Sejak Turunnya Wahyu Hingga Kompilasi*. terj. Sohirin Solihin et al., Jakarta: Gema Insani.

Al-Qur’an al-Karim.

Badawi, Abd al-Rahman (1993), *Mausu’at Mustasyriqin*. Beirut: Dar al ‘Ilm lil al Malayin.

Baqi, Muhammad Fuad Abd al- (1401H), *al-Mu’jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur’an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.

¹ Mustafa al-A’zami (2005), *Sejarah Teks Al-Qur’an Sejak Turunnya Wahyu Hingga Kompilasi*, terj. Sohirin Solihin et al., Jakarta: Gema Insani, h. 341.

² *Ibid.*, h. 56.

- Bukhari, Muhammad bin Ismail al- (1400 H), *Sahih al-Bukhari*, “Kitab Bad’ al-Wahy”, hadith no. 2. Kaheerah: al-Matba’ah al-Salafiyyah.
- Darraz, Muhammad bin Abdullah (2005), *al-Naba’ al-Azim*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Emmanuelle Stefanidis (2008), “The Qur’an Made Linear: A Study of the Geschichte des Qorâns’ Chronological Reordering”, *Journal of Qur’anic Studies*. Volume 10, Page 1-22 DOI 10.3366/E1465359109000394.
- Hassan ‘Itr (1404 H), “Wahy Allah Haqoiquhu wa Khosoisuhu fi al-Kitab wa al-Sunnah”, *Majalah Dakwah al-Haq*, bil. 28.
- Ibn Hisham, Abdul Malik bin Hisham bin Ayub (1955), *al-Sirah al-Nabawiyyah*, tahqiq Mustafa al-Saqa et al. Kaheerah: Mustafa al-Halabi.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (t.t.), *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sodir.
- Idris Hamid Muhammad (2006), “Ara’ al-Mustasyriqin Haula al-Mafhum al-Wahyi” (Kertas Seminar al-Qur’an al-Karim fi al-Dirasat al-Istisyraqiyyah di Madinah, 7-9 November 2006).
- Jabal Muhammad Buaben (1996), *Image of the Prophet Muhammad in the West*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Mahmud Maqdi (1996), *al-Wahyu al-Qur’ani fi al-Manzur al-Istisyraqi wa Naqduhu*. Iskandariah: Dar al-Dakwah.
- Martijn Blaauw (2008), “The Nature of Divine Revelation”, *The Heythrop Journal*, Volume 50, Issue 1
- Muhammad Khalifah Hassan (2006), “Dirasah al-Qur’an al-Karim ‘inda al-Mustasyriqin fi Daudi Ilmi Naqd al-Kitab al-Muqaddas” (Kertas Seminar al-Qur’an al-Karim fi al-Dirasat al-Istisyraqiyyah di Madinah, 7-9 November 2006).
- Muir, William (1912), *The life of Mohammad*. Edinburgh: John Grant.
- Nöldeke, Theodore (2004), *Tarikh al-Qur’an*, terj. Georges Tamer et al., Beirut: Konrad Adenaur Stiftung.
- Noresah Baharom et al. (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qattan, Manna’ Khalil al- (t.t.), *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Razi, Muhammad bin Abu Bakr al- (1981), *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Saqar, Munqiz bin Mahmud al- (t.t.), *Tanzih al-Qur’an ‘an Daawa al-Mubtilin*. Makkah: Rabitah al- Alam al-Islami.
- Subhi Saleh (2004), *Membahas Ilmu-Ilmu al-Qur’an*, terj. Tim Pustaka Firdaus, c.9. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Syed Mohd Rashid Ridha (t.t.), *Wahyu Suci*, terj. Ismail Mohd Hassan. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Warraq, Ibn & Madigan, Timothy J. (2002), “Theodor Noldeke: Father of Qur’anic Criticism”, *Free Inquiry*, Vol. 22, No. 2.
- Zanjani, Abu Abdillah al- (1969), *Tarikh al-Qur’an*. Beirut: Muassasah al-A’lami.
- Zurqani, Muhammad Abdul ‘Azim al- (1996), *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur’an*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Wikipedia The Free Encyclopedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Charles_Cutler_Torrey
- Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Friedrich_Zacharias_Schwally
- Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Theodor_N%C3%B6ldeke